

ANM(T)81/10/6/10JLD.IV(7)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BIL. 2 TAHUN 2003**

**PELAKSANAAN PROGRAM NAZIRAN DALAM PELAKSANAAN SISTEM
PERANCANGAN DAN KAWALAN BAJET ELEKTRONIK (eSPKB)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai program naziran yang akan dijalankan oleh Pejabat Perakaunan ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melaksanakan Sistem Perancangan dan Kawalan Bajet elektronik (eSPKB).

2. KUASA NAZIRAN

- 2.1 Program naziran diwujudkan di semua Pejabat Perakaunan selaras dengan kewajipan Akauntan Negara di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 138.

3. OBJEKTIF NAZIRAN

- 3.1 Untuk memastikan PTJ mematuhi Panduan Pengguna eSPKB dan semua peraturan yang berkuatkuasa.
- 3.2 Untuk membantu dan memberi khidmat nasihat kepada pengguna eSPKB.
- 3.3 Untuk melapor kepada Ketua PTJ dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan apa-apa luar aturan yang matan.

4. PROGRAM NAZIRAN

- 4.1 Naziran akan dilaksanakan ke atas PTJ mengikut jadual yang dirancang oleh Pejabat Perakaunan. Ketua PTJ akan dimaklumkan jadual naziran yang dibuat sekurang-kurangnya seminggu sebelum naziran dijalankan.
- 4.2 Laporan Naziran akan dikeluarkan kepada Ketua PTJ selepas selesai naziran ke atas PTJ.

5. PERANAN PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 Memaklumkan kepada PTJ supaya memberi perhatian ke atas pematuhan Panduan Pengguna eSPKB dan semua peraturan yang berkuatkuasa.
- 5.2 Meminta PTJ memberi kerjasama kepada Pegawai Naziran yang menjalankan program naziran di pejabat masing-masing.
- 5.3 Meminta PTJ mengambil tindakan susulan ke atas sebarang isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Naziran PTJ.
- 5.4 Meminta PTJ memberi maklumbalas jika diperlukan ke atas Laporan Naziran PTJ dikeluarkan.

- 5.5 Menjadikan Laporan Naziran PTJ sebagai salah satu agenda Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun peringkat Kementerian/Jabatan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(Datuk Siti Maslamah Binti Osman)
Akauntan Negara Malaysia

25 Jun 2003

s.k. Ketua Audit Negara